

# Usahawan wanita disaran kembang perniagaan ke luar negara

**TEMERLOH** - Golongan usahawan wanita disaran mengembangkan perniagaan dengan memasarkan produk serta perkhidmatan mereka sehingga ke pasaran antarabangsa.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, langkah itu penting dan perlu direbut bagi melahirkan usahawan wanita berjaya di negara ini.

"Penganjuran Festival Dari Wanita Untuk Wanita 2016 amat signifikan dan bertepatan dengan masa serta selaras dengan hasrat kerajaan untuk terus memperkasa peranan wanita dalam bidang keusahawanan.

"Pelancaran portal e-dagang usahawan wanita Pahang melalui kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang hari ini juga merupakan pemangkin bagi melahirkan usahawan berjaya di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Perasmian Penutup Festival Dari Wanita Untuk Wanita 2016 di Dataran Temerloh di sini semalam.



**ROHANI** (dua dari kiri) bersama Shahaniza (kiri) menyampaikan anugerah Ikon Ibu Tunggal kepada Juhanis Abd. Aziz (kanan) pada Majlis Perasmian Penutup Festival Dari Wanita Untuk Wanita Pahang 2016 di Dataran Temerloh, Temerloh semalam.



Turut hadir Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Datuk Shahaniza Shamsuddin

dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin.

Pelbagai acara menarik diadakan sepanjang empat hari festival yang berakhir semalam itu antaranya sukan rakyat, belon udara, ceramah agama disampaikan Ustaz Don, konsert, Pahang Idol, aspirasi wanita dan selebriti, pemeriksaan kesihatan percuma serta kursus keusahawanan.

Mengulas lanjut, Rohani berkata, festival berkenaan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan wanita

untuk menceburi bidang keusahawanan, membantu mengasah bakat, kemahiran dan potensi dalam bidang perniagaan.

Sementara itu, Shahaniza berkata, portal e-dagang berkenaan boleh diakses di [www.wanitamall.my](http://www.wanitamall.my) dan disediakan secara percuma dengan pendaftaran boleh dilakukan di pejabat Pembangunan Wanita negeri.

"Sehingga kini, lebih 150 usahawan telah mendaftar. Bukan sahaja produk malah perkhidmatan seperti mendobi, katering juga ditawarkan kepada orang ramai.

"Usahawan wanita diharapkan dapat mengambil peluang ini memandangkan perniagaan dalam talian semakin mendapat tempat dan menjadi pilihan," katanya.